

2.00pm, 27.1.2026

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.

CEO, PBAPP dan PBAHB.

SALURAN PAIP KEDUA MENYEBERANGI SUNGAI PERAI: KERJA PERSEDIAAN PENGALIHAN AIR TELAH BERMULA.

- **Pemasangan mesin “line stopping” bagi pengalihan aliran air sementara sedang dimulakan mengikut jadual di tapak kerja di Sungai Dua.**

PULAU PINANG, Selasa, 27.1.2026: Mesin “line stopping” dipasang hari ini di tapak kerja penyambungan akhir Projek Saluran Paip Kedua Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP ke-2) di Sungai Dua, Seberang Perai Utara (SPU).

Teknologi “line stopping” membolehkan pengalihan sementara aliran air daripada saluran paip sedia ada ke satu bahagian saluran paip pintasan. Kaedah ini memastikan bekalan air terus mengalir semasa kerja-kerja penyambungan paip dijalankan.

Penggunaan teknologi ini (buat pertama kalinya di Pulau Pinang) membolehkan PBAPP melaksanakan kerja-kerja penyambungan akhir SP-RCP ke-2 tanpa perlu melaksanakan Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) di Seberang Perai.

Sehubungan itu, TIADA SWSI yang dijangka menjejaskan kira-kira 26,000 pengguna air di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS) esok.

Hari ini, satu taklimat teknikal dan pemeriksaan tapak telah diadakan oleh kakitangan kejuruteraan PBAPP di tapak kerja. Kerja-kerja penyambungan akhir akan dimulakan mengikut jadual esok.

SP-RCP ke-2: Jadual kerja

Hari ini, 27.1.2026
Kerja Persediaan “line stopping”

Esok, 28.1.2026 (Rabu): Kerja-kerja akhir penyambungan		
1.	“Hot tapping” dan pemotongan paip konvensional	Mesin “hot tapping” mampu memotong saluran paip dari bahagian dalam kelongsong (sleeve) ketika air masih mengalir.
2.	Lencongan aliran air sementara	• Injap pintu ditutup, sekali gus menghentikan aliran air melalui bahagian salur paip yang telah dipotong apabila mesin <i>hot tapping</i> ditarik keluar.

		Mesin <i>line stopping</i> mengalihkan aliran air ke saluran paip lencongan sementara, justeru bekalan air tidak perlu dihentikan.
--	--	--

Esok, 28.1.2026 (Rabu): kerja-kerja penyambungan akhir (bersambung)		
3.	Penanggalan bahagian "saluran paip lama"	- Penyahairan saluran paip lama. - Penggunaan kren bagi mengangkat dan meletakkan bahagian saluran paip. - Empat (4) orang pengimpal ditugaskan bagi mempercepatkan kerja kimpalan. - Ujian udara (<i>air test</i>) dilaksanakan selepas kerja kimpalan selesai. - Injap pintu dibuka bagi membolehkan aliran air melalui bahagian salur paip baharu.
4.	Pemasangan dan penyambungan bahagian saluran paip baharu (kimpalan)	
5.	Pemasangan <i>blank flanges</i>	Untuk membolehkan akses <i>manhole</i> 610mm ke bahagian saluran paip baharu pada masa hadapan.

Khamis, 29.1.2026	
Penanggalan mesin <i>line stopping</i>	Kerja-kerja penyambungan akhir selesai.

Kerja-kerja penyambungan akhir SP-RCP ke-2 pada 28.1.2026 dan 29.1.2026 dijangka tidak menjejaskan perkhidmatan bekalan air di Seberang Perai.

Walau bagaimanapun, PBAPP telah menyarankan dan mengingatkan para pengguna air di SPU dan SPT supaya menyimpan sedikit bekalan air sebagai langkah berjaga-jaga memandangkan ini merupakan kali pertama kerja-kerja "*hot tapping*" dan "*line stopping*" dilaksanakan di Pulau Pinang.

Kakitangan PBAPP akan bertugas di tapak Projek SP-RCP ke-2 esok. Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, juga dijangka melawat tapak projek untuk melihat sendiri kemajuan kerja-kerja yang dijalankan.

Bagi memastikan pengguna air di Pulau Pinang sentiasa mendapat maklumat terkini, PBAPP akan menyiarkan perkembangan terkini mengenai kerja-kerja penyambungan akhir Projek SP-RCP ke-2 menerusi laman Facebook rasminya.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my